

# MB: Saya ikut arahan parti

## Othman Saat sedia letak jawatan

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**JOHOR BAHRU, Jumaat** — Menteri Besar Johor, Tan Sri Othman Saat hari ini berkata, beliau bersedia bila-bila masa sahaja meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar Johor sekiranya pucuk pimpinan UMNO berkehendakannya berbuat demikian.

Sebaliknya, ia akan terus berkhidmat jika parti memerlukannya.

"Saya sedia patuh kepada arahan parti. Jika parti mahukan saya meletak jawatan, saya akan berbuat demikian bila-bila masa sahaja yang dikehendakinya," tegasnya dalam satu pertemuan singkat di Istana Besar di sini, pagi tadi.

Tan Sri Othman enggan mengulas lebih lanjut mengenai perkara ini dan beliau juga enggan mengulas kegagalannya menduduki kerusi Majlis Kerja Tertinggi UMNO, di perhimpunan agung UMNO yang baru lalu.

### Kegagalan

Di perhimpunan itu, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri, kecuali Tan Sri Othman, terpilih menduduki kerusi Majlis Tertinggi UMNO.

Tan Sri Othman, dalam pemilihan Majlis Tertinggi UMNO 27 Mei lalu mendapat 494 undi menduduki tempat ke-22.

Beliau adalah salah seorang dari tokoh politik veteran yang paling lama menduduki kerusi Majlis Tertinggi UMNO dan kegagalannya mempertahankan kedudukannya itu memmeranjatkan ahli-ahli UMNO terutama dari Johor.

Presiden UMNO Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed ketika mengulas kegagalan Tan Sri Othman Saat berkata, Tan Sri Othman tidak perlu meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar Johor.

Menurut beliau, jawatan Ahli Majlis Tertinggi UMNO adalah jawatan parti yang tidak ada hubungan dengan jawatan Menteri Besar, iaitu jawatan pentadbiran.

Sementara itu, pemerhati-pemerhati politik Johor mencadangkan supaya Perhubungan UMNO Johor mengadakan mesyuarat khas seberapa segera untuk mengkaji kegagalan Menteri Besar Johor menduduki kerusi Majlis Kerja Tertinggi UMNO.

"Kegagalan beliau adalah satu tamparan hebat kepada UMNO Johor dan kajian teliti mesti dilakukan segera untuk mengkaji punca-punca yang menyebabkan beliau gagal mendapatkan undi dari para perwakilan di perhimpunan agung UMNO," kata mereka.